

# UNISSA anjur Festival Bahasa Arab

Dekan Fakulti Bahasa Arab, Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad selaku pengerusi bersama Jawatankuasa Kerja Festival Bahasa Arab dan para pegawai utama UNISSA.

Dr. Arman dalam ucapannya pada majlis itu telah menekankan kepentingan Bahasa Arab sebagai bahasa Al-Quran, bahasa ibadah dan juga bahasa ilmu. Oleh yang demikian, tambahnya, kemahiran Bahasa Arab itu sangat diperlukan lebih-lebih lagi oleh pelajar UNISSA di mana ia merupakan bahasa penghantar bagi hampir semua program di UNISSA.

Sementara itu, Dr. Siti Sara dalam ucapan alu-aluannya pula menjelaskan bahawa ini merupakan kali ketiga festival berkenaan dianjurkan oleh UNISSA selepas kali pertama pada 2015 dan seterusnya pada 2017.

Festival dengan tema 'Ke Arah Mewujudkan Persekitaran Bahasa Arab yang Kondusif' itu dianggap sebagai platform bagi pelajar UNISSA dan luar UNISSA untuk sama-sama memahirkan diri dalam menggunakan Bahasa Arab dengan ikut serta dalam pelbagai aktiviti yang dijalankan seperti permainan Bahasa Arab, pertandingan debat, khutbah, syair dan sebagainya.

Apa yang menarik dalam festival berkenaan ialah para pelajar digalakkan untuk menyumbang idea dan kreativiti dalam mempelbagaikan jenis permainan



Pemangku Rektor UNISSA menerima penerangan berkenaan pameran berkenaan.

Bahasa Arab. Dalam masa yang sama, menanamkan sifat menolong kawan sebaya dan juga pelajar-pelajar yang datang dari sekolah-sekolah Arab.

Sesi ceramah motivasi mengenai strategi dan tip-tip memperkukuhkan kemahiran pelajar dalam Bahasa Arab juga merupakan antara pengisian fes-

tival ini.

Festival berkenaan menyasarkan penyertaan pelajar UNISSA, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB), Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, sekolah-sekolah Arab dan orang ramai yang mencintai Bahasa Arab.



Pemangku Rektor UNISSA semasa menyaksikan pameran.

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 Feb - Bagi menyediakan platform untuk para pelajar memahirkan diri dalam menggunakan Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Bahasa Arab dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah menganjurkan Festival Bahasa Arab yang berlangsung selama seminggu bermula hari ini.

Turut hadir pada majlis perasmian yang disempurnakan oleh Pemangku Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad berkenaan ialah Setiausaha Kedua di Kedutaan Oman di Negara Brunei Darussalam, Salim bin Masoud Al-Rahbi,

## Tai Chi bantu warga emas amal hidup sihat



Yang Berhormat Haji Umarali semasa menyertai senaman Tai Chi, baru-baru ini.

Oleh Normazlina M.D

TUTONG, 5 Feb - Bagi menggalakkan warga emas mengekalkan gaya hidup sihat, Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Tutong telah mengadakan pelancaran senaman Tai Chi bagi acara mingguan di pusat berkenaan, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Umarali bin Esung.

Sebelum senaman Tai Chi dijalankan, satu taklimat ringkas mengenai kebaikan senaman Tai Chi telah disampaikan oleh Awang Zainal bin Tinggal dan diikuti dengan majlis pelancaran disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Menurut Awang Zainal, senaman Tai Chi adalah baik untuk tubuh badan dan memberi banyak faedah kesihatan khususnya kepada warga emas.

Senaman ini juga dapat membantu masalah pernafasan, sendi-sendi dan otot serta membantu menurunkan tinggi darah dan mengurangkan masalah pencernaan usus.




Gambar ramai ahli-ahli PKWE Tutong semasa majlis pelancaran senaman Tai Chi.

Acara diikuti dengan senaman Tai Chi selama 20 minit yang disertai oleh ahli-ahli PKWE Tutong.

Acara senaman Tai Chi ini akan dijalankan pada setiap hari Sabtu, jam 8 pagi di kawasan PKWE Tutong dan warga

emas yang ingin menyertai senaman Tai Chi disarankan untuk hadir dan mendaftar di pusat berkenaan.

## PUPUK KESEDARAN KEWANGAN



BANK Islam Brunei Darussalam (BIBD) baru-baru ini mengadakan taklimat perancangan kewangan kepada kakitangan Sekolah Persediaan Arab dalam usaha meningkatkan amalan pengurusan kewangan lebih baik dalam kalangan mereka. Taklimat disampaikan oleh Perancang Kewangan Islam BIBD, Hajah Masrurah binti Haji Baki. Taklimat seumpamanya diharap dapat memupuk kesedaran kewangan dalam kalangan kakitangan kerajaan.